



1. JAWATAN	: PEGAWAI PELAJARAN KANAN
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH, KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN	: II
TANGGAGAJI	: G.15 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: LAPAN BELAS (18)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pendidikan atau bidang bersesuaian.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat di Kementerian Pendidikan sebagai Pegawai Pelajaran atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji G.13 / B.2 EB.3 atau tanggagaji sebanding tidak kurang dari 5 tahun.
 - b) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji G.11 / B.2 tidak kurang dari 8 tahun.
2. Diploma / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.
 3. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PELAJARAN KANAN:

1. Menjalankan tugas sebagai pentadbir sekolah sebagai Pengetua, Guru Besar, Timbalan Pengetua, Penolong Guru Besar atau Pengurus di sekolah dalam meningkatkan profesionalisme pengurusan dan pentadbiran sekolah atau maktab seperti hal ehwal kurikulum dan kokurikulum, kewangan sekolah, peraturan dan disiplin guru, kakitangan dan pelajar.

ATAU



2. Menjalankan tugas sebagai pengurus di Jabatan Sekolah-Sekolah atau mengetuai Bahagian-Bahagian atau mengetuai cawangan-cawangan daerah pejabat di Jabatan Sekolah-Sekolah di Kementerian Pendidikan berdasarkan kepada tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan oleh Jabatan atau Bahagian-Bahagian masing-masing.